

Syarikat pelaburan UiTM ceburi penjanaan tenaga solar

[Mahanum Abdul Aziz](#) - April 1, 2021 @ 7:26pm
mahanum_aziz@bh.com.my



Pengerusi Ingress Precision Sdn Bhd (IPSB), Datuk Dr Abdul Wahab Ismail (tiga dari kiri) dan Pengarah UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd (UEFSB) bersama dokumen perjanjian pembelian tenaga solar (SPPA) yang dimeterai

SHAH ALAM: UiTM Holdings Sdn Bhd (UHSB), syarikat pelaburan milik Universiti Teknologi MARA (UiTM) memperluaskan perniagaannya dalam sektor komersial dengan memeterai perjanjian pembelian tenaga solar (SPPA) selama 21 tahun dengan Ingress Corporation Bhd (Ingress).

Anak syarikat milik penuh UHSB, UiTM Energy & Facilities Sdn Bhd (UEFSB) menandatangani SPPA dengan Ingress Technologies Sdn Bhd (ITSB) dan Ingress Precision Sdn Bhd (IPSB) dalam satu majlis yang diadakan di sini, hari ini.

Di bawah perjanjian itu, UEFSB akan melabur dan membangunkan kemudahan penjanaan tenaga solar dengan jumlah kapasiti masing-masing sebanyak 897.26kWp dan 1224.86kWp di IPSB dan ITSB.

Pemasangan kemudahan penjanaan tenaga solar dalam ITSB dan IPSB dijangka dapat mengurangkan perbelanjaan tenaga secara ketara melalui skim Pemeteran Tenaga Bersih (NEM), serta mengurangkan jejak karbon untuk menyokong agenda tenaga diperbaharui negara.

Secara kumulatif, kemudahan itu mampu menghindari 42,699 tan pelepasan karbon dioksida, yang bersamaan dengan penanaman 50,000 pokok.

UEFSB akan melaksanakan 100 peratus pelaburan sebagai sebahagian daripada inisiatif syarikat untuk mengembangkan pasaran tenaga boleh diperbaharui.

Pengerusi UHSB, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, berkata selari dengan saranan kerajaan untuk mencapai 20 peratus tenaga elektrik negara dijana daripada sumber boleh diperbaharui menjelang 2025, ia sememangnya tepat pada masanya untuknya menjadi aktif dalam matlamat kelestarian negara.

"Diharapkan projek ini akan menjadi yang pertama di antara projek yang akan dibangunkan oleh kumpulan syarikat UHSB, yang mana SPPA swasta akan menjadi lebih tipikal pada masa akan datang dan penerimaan terhadap teknologi hijau terutama solar akan

memastikan kemajuan kami dalam sektor ini," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Naib Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ingress, Datuk Dr Rameli Musa, berkata tiada industri tunggal yang dapat menangani cabaran masa hadapan dengan sendirinya.

Beliau berkata, dalam era globalisasi dan saling bergantung antara satu sama lain, kerjasama dengan pakatan strategik akan lebih membantu pihaknya lebih berdaya saing dan mengukuhkan keupayaan untuk terus maju ke depan.

"Pandemik COVID-19 telah memberi impak ekonomi yang besar di seluruh dunia, dan kami di Ingress tidak terkecuali daripadanya. Kami mengambil peluang ini untuk mengubah organisasi, proses dan budaya kerja kami.

"Kami telah memupuk norma baharu dalam perniagaan dan operasi, ini termasuk projek Solar Rooftop," katanya.

UHSB terus mempelopori sektor tenaga boleh diperbaharui selepas menandatangani tujuh SPPA dengan UiTM pada November 2020 untuk membangunkan dan membekalkan sejumlah 11.057 megawatt kemudahan penjanaan tenaga solar di tujuh kampus UiTM di Dungun, Permatang Pauh, Jengka, Kuala Pilah, Alor Gajah, Segamat dan, Bertam.

UHSB kini berada dalam proses pelaksanaan projek Pengoptimuman Tenaga dan Solar Rooftop (EORS) di 35 kampus UiTM di seluruh negara yang dijangka siap suku akhir 2023.

UiTM berpotensi mengekalkan penjimatan sehingga 30 peratus daripada perbelanjaan tenaga tahunannya setelah projek itu selesai.

UHSB juga memiliki Stesen Jana Kuasa Solar Berskala Besar 50 megawatt di Gambang, Pahang dan 25 megawatt di Pasir

Gudang, Johor yang telah memulakan operasi masing-masing pada 5 Mac 2019 dan 2 Disember 2020.

Jumlah penjanaan tenaga sebanyak 75MWac daripada kedua-dua stesen itu mampu menguasai lebih 33,000 rumah dan menghindarkan 84,000 tan pelepasan karbon dioksida setiap tahun.

Kedua-dua stesen itu menjana sejumlah 120,000MWh tenaga bersih setahun dan mampu menghasilkan RM965 juta dalam tempoh 21 tahun.